

KECEKAPAN WASIT, JURI DIPERTIKAI

Pesilat handal jadi mangsa



3. Harian (M)

20 FEB 1990

Analisis: RAHIME YUSOF

KEJUARAAN Silat Kebangsaan yang berakhir Khamis lalu, membuktikan peningkatan mutu persilatan, yang turut menyaksikan 14 pesilat yang pernah mewakili negara, gagal memenangi gelaran.

Walaupun kejuaraan itu menampilkan ramai pesilat baru tetapi hebat, wibawa wasit dan juri pertarungan tidak terkecuali dipertikaikan.

Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) perlu meneliti setiap aduan dan rungutan membabitkan pegawai pertarungan, kerana selepas lima kali ia diadakan, kecekapan wasit dan juri masih dipertikaikan.

Banyak pihak bertanya, apakah wasit dan juri ikhlas membuat keputusan, atau mereka mahu menjaga maruah perguruan silat masing-masing dan berasa lega jika pesilat seperguruan menjadi juara.

Kekalahan Pesilat Terbaik Dunia, Wan Aminuddin Baki Abu Bakar dari Selangor wajar dipertikaikan. Begitu juga Azam Haji Abbas dan Basri Abdul Rahman dari Kelantan.

Kejuaraan kebangsaan adalah gelanggang utama memilih wakil negara ke kejuaraan antarabangsa. Apakah kita mahu mengetepikan pesilat handalan yang tewas kerana 'muslihat' atau menampilkan pesilat kurang handalan, membawa cabaran negara.

Yang dicari di kejuaraan ini ialah 'jaguh kepada segala jaguh'. Tetapi, ternyata ada yang bukan jaguh diisyithar sebagai jaguh. Ini perlu dinilai semula oleh Pesaka selaku badan induk silat kebangsaan.

Sungguhpun Pesaka menetapkan juara kebangsaan dipilih automatik mewakili negara, ia cuma atas kertas yang boleh dipinda, kerana Pesaka sendiri pernah memungkiri syarat itu.

Tiga juara kebangsaan 1988 — Meor Badrul Hisham (C), Hamidah Mahat (C) dan Nazrah Latif (A) — menjadi mangsa langgar syarat, apabila Pesaka menamakan Ahmad Khusairi Ibrahim, Haslina Shaharuddin dan Normala Yaacob bertanding pada Sukan SEA, sedangkan mereka cuma naib juara.

Jika Pesaka sanggup 'mungkir janji' menjelang Sukan SEA lalu, ia tidak ada sebab kenapa tidak boleh berulang sebelum membawa pesilat ke Pesta Sukan Brunei. Oleh itu, Wan Aminuddin Baki dan Basri Abdul Rahman wajar diperimbangkan ke Brunei.

Selain itu, pujian perlu diberi kepada Selangor selaku tuan rumah. Ia bukan setakat berupaya menyimpan terus Piala Penglima dan Piala Pesaka buat kali kelima, malah berjaya menganjurkan kejuaraan dengan sempurna sekalipun diberi peluang dua bulan untuk bersiap.

Juara kebangsaan musim ini ialah Sharudin Kamaruddin Kelas A, Ahmad Wardi Salim (B), Khairi Abdul Rahman (C), Mohd Din Manap (D) Wan Adnan Wan Isa (E), Ruzaidi Abdul Rahman (F), Hadi Hassan (G), Zakaria Hamzah (H), Mazlan Shaari (I) dan Zainal Amat (Bebas).

Pesilat wanita — Nazrah Latiff (A), Mazliza Abu Bakar (B), Rohana Manaf (C), Hamidah Mahat (D) dan Zaleha Suradi Kelas E.